

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SPW306 - Politik Perhubungan Utara-Selatan/
SPU313 - Isu-Isu Pilihan Dalam Hubungan Utara-Selatan

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan semuanya.

1. (i) Apakah maksud 'bantuan resmi pembangunan' (*official development assistance*)?
(ii) Bezakan antara bantuan dwi-pihak dan bantuan pelbagai-pihak.
(iii) Sejauhmanakah bantuan yang diberi oleh negara-negara Utara adalah selaras dengan kehendak negara-negara Selatan? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.

(100 markah)

2. (i) Apakah 'hakmilik intelektual' (*intellectual property rights*)?
(ii) Apakah 'pemindahan teknologi'?
(iii) Bincangkan pemindahan teknologi sebagai satu isu dalam hubungan Utara-Selatan.
(iv) Bincangkan usaha-usaha Utara untuk memperolehi perlindungan yang ketat atas hakmilik intelektual.

(100 markah)

...2/-

3. (i) Pada pendapat anda, apakah perusahaan-perusahaan transnasiona (PTN) Barat telah membawa lebih banyak keburukan dari kebaikan kepada negara-negara tuan rumah Selatan?
- (ii) Bincangkan sumbangan PTN Amerika kepada negara induknya. (100 markah)
4. (i) Bincangkan punca-punca "kemerosotan alam sekitar" (*environmental degradation*).
- (ii) Kenapa alam sekitar telah menjadi satu isu kontroversial dalam hubungan Utara-Selatan?
- (iii) Nilaiikan keberkesanan usaha-usaha dunia dalam menyelesaikan masalah alam sekitar. (100 markah)
5. (i) Bandingkan pendekatan Utara dan Selatan terhadap hak-hak asasi manusia.
- (ii) Kenapa Utara dan Selatan telah mengkritik pendekatan masing-masing?
- (iii) Pada pendapat anda, adakah satu pendekatan yang seragam terhadap hak-hak asasi manusia dapat dicapai? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda. (100 markah)
6. (i) Bincangkan masalah utama yang telah muncul dalam hubungan Utara-Selatan di bidang perdagangan.
- (ii) Bagaimanakah hal-hal perdagangan dapat digunakan sebagai satu alat oleh sesebuah negara - sama ada dari Utara atau Selatan - dalam usaha mencapai matlamat dasar luarnya? Berikan contoh-contoh sebenar. (100 markah)
7. (i) Bincangkan perkembangan-perkembangan yang telah membawa kepada Dialog Selatan-Selatan.
- (ii) Apakah tujuan Dialog tersebut?
- (iii) Sejauhmanakah kerjasama Selatan-Selatan telah mengurangkan pergantungan Selatan kepada Utara? (100 markah)